

Petisyen Hulu S'gor: BN menang pusingan 1
Malaysiakini.com
July 20, 2010

Mahkamah Pilihan Raya Kuala Lumpur hari ini menolak bantahan awal yang dikemukakan oleh ketua PKR Wilayah Persekutuan, Datuk Zaid Ibrahim terhadap permohonan ahli parlimen BN yang memenangi pilihan raya kecil Hulu Selangor, P Kamalanathan untuk membatalkan petisyen pilihan raya yang dikemukakannya.

Keputusan itu di buat oleh Hakim Datuk Azhar Mohamed petang ini.

"Jadi esok, saya akan mendengar permohonan awal bagi membatalkan petisyen Zaid dan merit berhubung petisyen itu," katanya.

Hakim Azahar juga memetik tiga kes undang-undang yang menyebut hakim pilihan raya mesti mempunyai kuasa membatalkan permohonan pilihan raya.

Peguam Kamalanathan - Firoz Hussein berkata "pertarungan sebenar" akan bermula esok apabila mereka cuba menyakinkan hakim supaya menolak petisyen yang dikemukakan oleh Zaid.

Pada 24 Mei lalu, Zaid memfailkan petisyen agar keputusan pilihan raya kecil April lalu itu diisytiharkan tidak sah dan dibatalkan dengan mendakwa berlakunya rasuah dalam bentuk sogokan kepada penduduk.

Zaid kalah kepada Kamalanathan dengan majoriti 1,725 undi.

Zaid menamakan Kamalanathan serta pegawai pengurus pilihan raya berkenaan, Nor Hisham Ahmad Dahlan, dan Suruhanjaya Pilihan Raya sebagai responden.

Kamalanathan, yang juga ketua penerangan MIC, memfailkan permohonan membatalkan petisyen itu dengan alasan Zaid gagal mendedahkan kausa tindakan yang munasabah dan petisyen itu adalah mengaibkan, remeh, menyusahkan dan satu penyalahgunaan proses mahkamah.

Selain itu, katanya, Zaid gagal mengenal pasti orang yang didakwa ditawarkan sogokan.

Kamalanathan diwakili peguam Datuk Mohd Hafarizam Harun, Firoz Hussein Ahmad Jamaluddin dan Cheng Mai manakala Peguam Kanan Persekutuan Suzana Atan dan Mohd Azhar Mohd Yusof mewakili pegawai pengurus pilihan raya dan SPR.

Peguam Ang Hean Leng, Leong Sher How dan Azahar Azizan Harun mewakili Zaid.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/137857>